

HUBUNGAN DI ANTARA MAQASID AL-QURAN DAN TAFSIR MAWDU'I

SAHLAWATI ABU BAKAR
Jabatan al-Quran dan Al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
sahlawati@kuis.edu.my

HAZIYAH HUSSIN
WAN NASYRUDIN WAN ABDULLAH
Pusat Kelestarian Turath Islami
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

ABSTRAK

Ramai dalam kalangan pengkaji al-Quran membincangkan mengenai maqasid al-Quran serta tafsir mawdu'i atau tematik. Namun kebanyakannya kajian membincangkan perkara ini sebagai dua aspek yang terpisah. Artikel ini bertujuan untuk menghuraikan hubungan di antara maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks dan hasil kajian mendapati bahawa secara prinsipnya maqasid al-Quran mempunyai hubungan dengan tafsir mawdu'i dari aspek kesatuan tema yang terdapat di dalam al-Quran. Maqasid al-Quran ialah tujuan utama al-Quran yang perlu dicapai oleh mufassir dalam pentafsirannya. Manakala tafsir mawdu'i ialah satu pendekatan mentafsirkan ayat-ayat al-Quran yang dikumpulkan dalam satu tema yang sama dan mengaitkannya dengan maqasid al-Quran. Selain itu tafsir mawdu'i juga mengkaji isu-isu yang terdapat di dalam al-Quran berdasarkan maqasid al-Quran. Kajian mendapati terdapat tiga hubungan di antara maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i iaitu pertama aspek prinsip pentafsiran, kedua elemen dalam maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i dan ketiga tafsir al-maqasidi. Justeru, maqasid al-Quran dapat direalisasikan dengan meneliti hubungannya dengan tafsir mawdu'i serta pendekatannya dalam pentafsiran al-Quran.

Kata kunci: Maqasid Al-Quran, Tafsir Mawdu'i, Tematik, Kesatuan Tema, Tafsir

1. Pendahuluan

Istilah maqasid al-Quran mula muncul dalam buku Imam al-Ghazali berjudul *Jawahir al-Quran* yang berada dalam disiplin ilmu tasawuf. Sekumpulan para ulama tersohor turut memberikan pandangan mengenai istilah ini seperti Abu Hamid al-Ghazali, Izz al-Din ibn 'Abd al-Salam, Fakhr al-Razi, Ibn al-Qayyim, Al-Shatibi, Al-Biq'a'i, Muhammad 'Abduh, Rashid Rida, Badiuzzaman Sa'id Nursi, Ibn 'Ashur, Hasan al-Banna, Muhammad Iqbal, Sayyid Qutb, Abul 'Ala Mawdudi, Izzat Darwazah, Muhammad al-Ghazali dan Yusuf al-Qaradawi (Islam, 2011). Pada peringkat awal ilmu maqasid al-Quran belum dibahaskan secara sendiri dan para ulama tafsir tidak memberikan tumpuan terhadap ilmu ini.

Berdasarkan sorotan sejarah, istilah maqasid al-Quran tidak wujud pada era awal literatur al-Quran iaitu pada zaman Rasulullah S.A.W dan zaman sahabat (Islam, 2012). Ini disebabkan kerana Rasulullah S.A.W masih hidup dan mereka boleh merujuk kepada Baginda sebarang permasalahan mengenai al-Quran. Pada zaman tabiin masih lagi sukar untuk menemukan istilah maqasid al-Quran dalam tafsiran yang pada ketika itu sudah dibahagikan kepada tafsir bi al-ma'thur dan bi al-ra'yi. Maqasid adalah subjek yang bersifat tematik yang agak rumit untuk ditunjukkan dalam tafsiran al-Quran. Selanjutnya pada zaman

moden tafsir al-Quran mengalami perkembangan yang pesat termasuklah ilmu maqasid al-Quran yang mendapat perhatian dalam perbahasan para ulama Islam (Islam, 2012; Khalilah, 2019).

Sementara itu tafsir mawdu'i adalah salah satu pendekatan yang digunakan bagi menafsirkan al-Quran secara bertema. Ulama tafsir memberikan tema-tema yang tertentu sesuai dengan maqsad (tujuan) surah. Al-Khalidi (2012) menekankan bahawa kajian-kajian al-Quran kontemporeri yang hampir dengan tafsir mawdu'i adalah bermaksud kajian-kajian yang khusus berkaitan topik-topik berkaitan al-Quran dan ia adalah sama sahaja dengan kajian-kajian Islam yang lain seperti hadis, fiqh, sejarah, bahasa dan lain-lain. Oleh itu ia tidak boleh dikatakan sebagai tafsir mawdu'i yang mempunyai metode khusus dalam penafsiran. Istilah tafsir mawdu'i hanya wujud pada kurun ke 14 (Muslim, 2000). Menurut Shihab (1996), tafsir mawdu'i berdasarkan surah dipelopori oleh Syaikh Mahmud Syaltut pada tahun 1960 yang bejudul Tafsir al-Qur'an al-Karim. Manakala tafsir mawdu'i berdasarkan topik dipelopori oleh Ahmad Sayyid al-Kumiyy pada tahun 1960.

Kajian ini menggunakan rekabentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai metode analisis data. Metode yang digunakan bagi mendapatkan data ialah melalui sorotan literatur kajian-kajian lepas berkaitan penulisan karya-karya mengenai maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i. Dalam kajian ini pengkaji mengemukakan perbahasan yang baru mengenai hubungan di antara maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i. Kami mengekstrak keseluruhan hubungan yang terdapat di dalam elemen maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i bagi melihat hubungan di antara keduanya.

2. Kajian Berkaitan

Al-Quran sentiasa menjadi subjek kajian bagi ilmuwan yang mempunyai minat dan usaha untuk memahami kitab ini dengan mendalam. Pelbagai topik kajian berkaitan al-Quran ditulis seperti ulum al-Quran, tafsir, jenis-jenis tafsir, *i'rab al-Quran*, *i'jaz* dan apa sahaja ilmu yang berkait al-Quran. Selain itu terdapat juga ilmuwan yang membuat kajian mengenai maqasid al-Quran iaitu ilmu yang membahaskan mengenai maksud al-Quran berdasarkan matlamat utama al-Quran. Tazul Islam memulakan kajian mengenai maqasid al-Quran berkaitan konsep maqasid al-Quran dan perkembangannya. Penulisan beliau meneroka asal usul konsep ini dan kemudiannya menghuraikan perkembangannya dalam literatur al-Quran pada fasa awal, formatif, klasik dan moden. Maqasid al-Quran berkembang secara beransur-ansur melalui empat fasa tersebut namun ianya masih belum diperkenalkan sebagai konsep lengkap pemahaman al-Quran dan hampir tidak ada pendekatan maqasid eksklusif tafsiran yang telah dihasilkan (Islam, 2012). Enam tahun selepas itu Fikriyati (2018) juga membincangkan isu yang sama iaitu sejarah kemunculan maqasid al-Quran dalam khazanah Islam.

Selepas itu Tazul Islam masih meneruskan penulisan mengenai maqasid al-Quran namun dari aspek kritikan analitis terhadap perbezaan di antara maqasid al-Quran dan maqasid syariah. Walaupun maqasid al-Quran dan maqasid syariah tidak dapat dipisahkan namun terdapat perbezaan daripada aspek semantik dan fungsi keduanya pada tahap penggunaan. Sumber maqasid al-Quran terbatas dalam ruang lingkup al-Quran manakala maqasid syariah boleh bersumberkan selain daripada al-Quran seperti *ijma'*, *qias* dan sebagainya. Walaubagaimanapun nuansa maqasid al-Quran lebih luas daripada nuansa maqasid syariah yang terhad kepada lima skop sahaja (Islam, 2013).

Meskipun terdapat penulisan mengenai maqasid al-Quran masih belum terdapat definisi ilmiah tentang ilmu pengetahuan ini. Maka kajian mengenai definisi para ulama

dilakukan bagi meneroka pandangan para ulama serta unsur-unsur penting untuk definisi ini (Islam, 2011). Seterusnya Quadir (2018) mengemukakan penulisan berkaitan maqsadiyyah (tujuan) dan maqasid al-Quran. Penulis membincangkan kepentingan memahami tujuan dan objektif al-Quran.

Kajian-kajian selanjutnya lebih tertumpu kepada pemikiran para ulama terhadap maqasid al-Quran. Terdapat penulisan yang mengemukakan pandangan ulama klasik dan moden terhadap maqasid al-Quran seperti Abu Hamid al-Ghazali, at-Thabari, Asy-Syatibi, al-Biqa'i, Muhammad Rasyid Ridha, Thahir Ibnu Asyur, Taha Jabir Al-Alwani dan Ahmad ar-Raisuni (Khalilah, 2019). Sebagai tambahan kepada itu terdapat juga penulisan yang hanya memfokuskan kepada seorang ulama sahaja seperti Ibn Ashur (Islam, 2018) dan Badi' al-Zaman al-Nursi (Moh., 2015).

Ditinjau dari sudut ini, kajian-kajian sebelum ini hanya membincangkan mengenai maqasid al-Quran secara mandiri tanpa mengaitkannya dengan tafsir mawdu'i. Dalam kajian yang dicadangkan, hubungan antara maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i diuraikan bermula daripada aspek prinsip pentafsiran, elemen yang terdapat dalam maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i dan jenis tafsir al-maqasidi.

2. Maqasid al-Quran

2.1 Definisi Maqasid al-Quran

Maqasid al-Quran adalah istilah yang terdiri daripada dua perkataan iaitu maqasid dan al-Quran. Perkataan maqasid merupakan kata jamak bagi maqsad yang bermaksud mendatangi atau menuju sesuatu (Faris, 2008). Perkataan qasada seperti yang terkandung di dalam al-Quran membawa pelbagai maksud seperti jalan yang lurus dalam ayat :

وَعَلَى اللَّهِ قُصْدُ الْسَّبِيلِ وَمِنْهَا جَآءَرُ وَلَوْ شَاءَ لَهُدَنَكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٩﴾

Maksudnya:

Dan hak bagi Allah (menerangkan) jalan yang lurus, dan di antara jalan-jalan ada yang bengkok. Dan jikalau Dia mengkehendaki, tentulah Dia memimpin kamu semuanya (kepada jalan yang benar) (Al-Nahl: 9)

Juga bermaksud kesederhanaan dan tidak berlebihan (Ibn Manzur, n.d.) seperti dalam ayat:

وَقُصْدُ فِي مَشِيكَ وَأَغْضُضُ مِنْ صَوْتِكَ إِنَّ أَنْكَرَ الْأَصْوَاتِ لَصَوْتِ الْحُمَيرِ ﴿١٩﴾

Maksudnya:

Dan sederhanalah kamu dalam berjalan dan lunakkanlah suaramu. Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keledai (Luqman:19).

Justeru, istilah maqasid secara bahasa bermaksud niat, tujuan, matlamat, sasaran dan objektif (Ruhi, 2001).

Perkataan kedua daripada istilah tersebut ialah al-Quran. Dari segi bahasa perkataan al-Quran boleh membawa pelbagai maksud. Pertama al-Quran berasal dari kata *qara'a* yang bermaksud membaca. Dengan demikian, al-Quran adalah sebuah bacaan yang dibaca. Kedua, al-Quran bermaksud *al-jam'u* yang bermaksud sekumpulan, iaitu al-Quran mengumpulkan ajaran-ajaran dari kitab-kitab sebelumnya. Ketiga, al-Quran bermakna *qarana* yang bermaksud menyertai dan menyandingi (Ibn Manzur, n.d.). Al-Quran dari segi istilah bermaksud kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Saw., melalui perantaraan malaikat Jibril secara beransur-ansur yang mengandungi kemukjizatan dan membacanya adalah ibadah.

Apabila perkataan maqasid dan al-Quran digabungkan maka ia membawa pengertian tujuan-tujuan utama diturunkan al-Quran bagi memenuhi keperluan manusia (Hamidi, 2008). Menurut Tazul Islam definisi maqasid al-Quran mempunyai beberapa komponen utama iaitu ilmu yang tersendiri, wasail (cara) dan ayat muhkam. Berdasarkan tiga komponen ini maqasid al-Quran adalah ilmu pemahaman inti dari wacana al-Quran berdasarkan tujuan-tujuannya (maqasid) yang disokong oleh cara (wasa'il) dan diedarkan hanya dengan ayat-ayat yang dapat di mengerti (muhkam) (Islam, 2011). Selain itu Khalilah (2019) mencadangkan istilah maqasid al-Quran merujuk kepada sekumpulan tema-tema inti al-Quran serta menggambarkan dengan baik kebijaksanaan mufassir dalam memahami kalam Allah.

Sehubungan itu berdasarkan definisi ini, keseluruhan makna maqasid al-Quran ditetapkan sebagai ilmu yang tersendiri berfungsi memahami wacana al-Quran berdasarkan tujuannya. Ilmu ini adalah bersifat teratur untuk membincangkan secara sistematik tentang subjek tertentu serta melalui proses metodologi yang sistematik.

2.2 Elemen Dalam Maqasid al-Quran

Maqasid (tujuan) al-Quran mewakili asas dan teras al-Quran melalui tema-tema yang dikemukakan dan jika ianya selari dengan tujuan al-Quran maka objektif utama akan tercapai (Islam & Khatun, 2015). Seawal zaman Rasulullah S.A.W dan para sahabat maqasid al-Quran telah diperakui kerana mereka memahami al-Quran bagi mencapai matlamat utamanya sebagaimana dipraktikkan dalam kehidupan. Ekoran daripada itu, seorang mufassir mesti memiliki pengetahuan yang mendalam terhadap maqasid al-Quran dalam menafsirkan al-Qur'an. (Islam & Khatun, 2015)

Sehubungan dengan itu mufassir perlu memahami elemen-elemen yang ada dalam maqasid al-Quran menurut para ilmuan Islam. Elemen yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah perkara-perkara yang diutarakan oleh para ilmuan Islam sebagai tujuan utama al-Quran. Kajian mengemukakan empat pendapat ulama mengenai elemen maqasid al-Quran iaitu pandangan Al-Ghazali, Ibn 'Ashur, Badiuzzaman Said Nursi dan Taha Jabir al-Alwani (Islam, 2012; Khalilah, 2019).

Abu Hamid Al-Ghazali: Beliau menjelaskan maqasid al-Quran mempunyai dua bahagian iaitu bahagian utama dan bahagian pelengkap. Bahagian utama mempunyai tiga elemen iaitu (1) Penjelasan zat, sifat dan perbuatan Allah (2) Jalan lurus menuju Allah (3) Kehidupan akhirat dan bahagian kedua mempunyai tiga elemen iaitu (1) Kisah umat terdahulu (2) Bantahan terhadap kesalahan orang kafir (3) Keperluan fi sabillillah (Fikriyati, 2018; Islam, 2012; Khalilah, 2019).

Konsep maqasid al-Quran dalam pandangan al-Ghazali adalah sangat berkaitan dengan dua kategori ilmu iaitu pertama, ilmu-ilmu luaran seperti bidang bahasa dan sintaksis al-Quran dan kedua, ilmu-ilmu teras al-Quran seperti kisah dalam al-Quran, debat Allah dengan orang kafir dan hukum hudud (Quadir, 2018). Tingkat yang paling tinggi dalam ilmu

ini ialah ilmu mengenal Allah, jalan lurus menuju Allah dan hari akhirat. Menurut al-Ghazali, jalan lurus yang seharusnya ditempuh menuju Allah bermaksud keikhlasan beribadah kepada Allah dan dari aspek yang lain memerdekan diri dari menjadi hamba hawa nafsu. Seterusnya kehidupan akhirat yang merangkumi pelbagai aspek seperti balasan baik, azab, padang mahsyar, timbangan dan titian sirat.

Selepas itu kisah-kisah umat terdahulu yang menggambarkan tentang keadaan orang-orang yang taat kepada Allah dan orang-orang yang ingkar. Sebagai contoh kisah-kisah para nabi, wali-wali dan orang-orang yang ingkar seperti Fir'aun dan Namrud. Elemen yang kelima ialah bantahan terhadap kesalahan orang-orang kafir. Ia mempunyai tiga perkara iaitu bantahan atas tidak beriman kepada Allah, bantahan tidak beriman kepada Rasulullah dan bantahan terhadap tidak beriman kepada hari akhirat. Elemen yang terakhir adalah pembahasan tentang persiapan menuju jalan Allah yang meliputi persediaan mental dan fizikal (Moh., 2015).

Selanjutnya elemen maqasid menurut Ibn 'Asyur terdiri daripada dua komponen iaitu : maqasid al-'ala (memperbaiki individu dan masyarakat) dan maqasid al-asliyyah (tujuan asal). Kedua-dua komponen ini terdiri daripada lapan elemen iaitu (1) Memperbaiki aqidah (2) Mendidik akhlak (3) Pemantapan hukum syariat (4) Mengatur dan memelihara sistem manusia (5) Kisah-kisah umat terdahulu (6) Pengajaran bersesuaian dengan keadaan umat (7) Nasihat, peringatan dan khabar gembira dan (8) Kemukjizatan al-Quran.

Berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah al-Nahl ayat 89 yang bermaksud: “(*Dan ingatlah) akan hari (ketika) Kami bangkitkan pada tiap-tiap umat seorang saksi atas mereka dari mereka sendiri dan Kami datangkan kamu (Muhammad) menjadi saksi atas seluruh umat manusia. Dan Kami turunkan kepadamu Al Kitab (Al Quran) untuk menjelaskan segala sesuatu dan petunjuk serta rahmat dan khabar gembira bagi orang-orang yang berserah diri*”, Ibn Ashur menyimpulkan bahawa objektif utama al-Quran ialah memperbaiki individu, masyarakat dan tamadun (Islam, 2018)

Perlu ditegaskan bahawa *islah al-i'tiqad* (memperbaiki kepercayaan) adalah dasar utama mengesakan Allah kerana tauhid adalah asas bagi semua prinsip dan tujuan. Bagi Ibn Ashur, aqidah adalah matlamat utama Al-Quran dan inti daripada Al-Quran (Quadir, 2018). Selanjutnya ialah memperbaiki akhlak kerana manusia yang paling baik pada di sisi Allah adalah manusia yang mempunyai akhlak yang mulia. Sependapat dengan al-Ghazali, IbnAshur juga menetapkan kisah-kisah al-Quran sebagai elemen dalam maqasid al-Quran. Tujuan kisah-kisah ini diungkap dalam al-Quran supaya menjadi bukti kebenaran al-Quran, peringatan kepada orang yang beriman serta amaran bagi orang yang kufur.

Perbincangan dilanjutkan dengan elemen maqasid al-Quran yang dikemukakan oleh Badi'uzzaman Said Nursi. Beliau menyatakan ada dua komponen dalam maqasid al-Quran iaitu al-Maqasid al-asasiyyah (tujuan asas) dan al-anasir al-asliyah (unsur asal). Elemen yang tekandung dalam komponen ini ada empat iaitu (1) Tauhid (2) Kenabian (3) Kebangkitan manusia dan (4) Keadilan.

Menurut (Moh., 2015) terdapat beberapa kaedah umum yang diaplikasikan oleh Sa'id Nursi untuk menjelaskan maqasid al-Quran. Kaedah tersebut ialah (1) Penjelasan al-Quran mengenai perbuatan Allah, (2) Keindahan ciptaan Allah, (3) Tingkatan penciptaan makhluk, (4) Perubahan aspek fizikal (5) Hukum alam (6) Sebab dan punca (7) Perbuatan Allah yang menakjubkan dan (8) Nama dan sifat Allah. Hasilnya, tertib penetapan maqasid al-Quran oleh Sa'id Nursi mempunyai tiga jenis iaitu penetapan maqasid al-Quran, penetapan maqasid suwar dan penetapan maqasid ayat. Sehubungan itu al-Quran merumuskan keseluruhan kandungannya agar maqasidnya dapat dicapai oleh para pembaca dan natijahnya memahami kandungannya secara lengkap.

Ilmu Islam yang selanjutnya ialah Taha Jabir al-Alwani yang mengemukakan tiga elemen dalam maqasid al-Quran iaitu (1) Tauhid (kepercayaan), (2) Tazkiyyah (penyucian)

dan (3) ‘Umran (peradaban). Walaupun kelihatan lebih ringkas berbanding maqasid para ilmuan yang lain, al-Alwani menghuraikan ketiga-tiga tema ini secara Lebih singkat dari gagasan maqashid ulama lain, al-Alwani sebenarnya memperluas ketiga tema di atas secara inklusif dalam bukunya yang berjudul Tauhid, Tazkiyah dan ‘ Umran (Khalilah, 2019).

Sebagai rumusan, perkara utama yang menjadi elemen maqasid al-Quran ialah aqidah, hari akhirat dan kisah-kisah umat terdahulu seperti dalam rajah 1 di bawah. Elemen-elemen ini menjadi dasar utama para ilmuan yang telah dibahaskan kerana inilah tujuan utama objektif al-Quran.



Rajah 1. Elemen utama maqasid al-Quran

3. Tafsir Mawdu’i

3.1 Definisi Tafsir Mawdu’i

Tafsir mawdu’i merupakan gabungan dua perkataan iaitu tafsir dan mawdu’i. Tafsir secara bahasa bermaksud erti penjelasan, penerangan, pencerahan makna yang logik. Selain itu tafsir juga boleh bermaksud menyingkap yang tersembunyi dan menyingkap maksud sesuatu lafadz yang musykil (Ibn Manzur, n.d.). Manakala tafsir dari segi istilah pula membawa maksud ilmu yang dapat difahami daripadanya kitab Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW serta penjelasan makna dan mengeluarkan hukum hakam. Tafsir juga boleh memberi erti ilmu yang membincangkan maksud Allah SWT mengenai al-Quran mengikut kemampuan manusia. Menurut Al-Zahabi (n.d.) tafsir bermaksud menjelaskan kalam Allah SWT dan penerangan bagi makna-makna serta pemahaman al-Quran. Juga ilmu yang membahaskan mengenai al-Quran bagi mendapat petunjuk bagi maksud Allah SWT mengikut kemampuan manusia.

Selanjutnya perkataan *wad'u* dari segi bahasa menurut Faris (2008) bermaksud merendahkan atau meletakkan sesuatu. *Al-Mawdu'i* adalah nisbah kepada *mawdu'* yang diambil daripada *al-wad'u*. Abd al-Sattar (1991) menjelaskan *al-wad'u* bermaksud penetapan dan pengukuhan sesuatu pada kedudukannya seperti firman Allah dalam surah al-Anbiya' ayat 47:

وَنَضَعُ الْمَوَازِينَ الْقِسْطَ لِيَوْمَ الْقِيَمَةِ

Justeru kaitan di antara *al-mawdu'* dengan tafsir ialah pentafsir menetapkan setiap ayat pada kedudukannya yang pasti dalam makna secara menyeluruh bagi isu yang dikaji. Kesimpulannya *al-mawdu'i* dari segi bahasa bermaksud penetapan sesuatu perkara dan pengukuhan berdasarkan isu yang dikaji.

Dari segi istilah pula para ulama tafsir mawdu'i memberikan definisi perkataan *al-mawdu'i* selaras dengan konsep atau asas tafsir mawdu'i. *Al-mawdu'i* ialah isu yang mempunyai kepelbagaian uslub dan kaedah dalam al-Quran serta satu aspek yang dihimpunkan melalui satu makna atau satu tujuan. Ia juga bererti isu atau perkara yang berkait dengan aspek kehidupan seperti akidah, keperibadian masyarakat atau manifestasi alam semesta yang dikemukakan oleh ayat-ayat al-Quran (Abd al-Sattar, 1991; Muslim, 2000).

Apabila digabungkan perkataan tafsir dan mawdu'i para ulama tafsir mawdu'i mendefinisikan tafsir mawdu'i dengan beberapa definisi. Abd al-Sattar (1991) mendefinisikan tafsir mawdu'i sebagai ilmu yang membahaskan isu-isu al-Quran yang mempunyai kesatuan makna atau tujuan dengan mengumpulkan ayat-ayat yang bertaburan. Seterusnya memperhatikan ayat-ayat tersebut dengan kaedah dan syarat yang khusus bagi menjelaskan makna ayat dan mengeluarkan isu-isu yang berkaitan serta mengaitkannya secara menyeluruh. Menurut Muslim (2000) tafsir mawdu'i ialah ilmu yang menangani isu-isu berdasarkan maqasid al-Quran melalui satu surah ataupun lebih. Manakala Al-Khalidi (2012) menjelaskan tafsir mawdu'i ialah proses pengumpulan ayat-ayat al-Quran oleh pengkaji dalam satu tema atau lafaz yang sama mentafsirkannya secara kolektif serta mengistinbat dan mengaitkannya dengan maqasid al-Quran.

3.2 Elemen Dalam Tafsir Mawdu'i

Para ulama tafsir mawdu'i tidak menetapkan secara pasti elemen atau tema-tema yang terdapat di dalam al-Quran. Namun demikian terdapat beberapa penulisan yang mengklasifikasikan tema-tema tertentu daripada tafsiran yang dibuat seakan-akan ianya adalah elemen yang diperolehi daripada tafsir mawdu'i. Terdapat sebuah buku yang dikarang oleh Fazlur Rahman berjudul *Major Themes Of The Quran* (2009). Fazlur mengemukakan lapan tema-tema al-Quran iaitu Tuhan, manusia sebagai individu, manusia sebagai anggota masyarakat, alam semesta, kenabian dan wahyu, eskatologi, syaitan dan kejahanatan, dan lahirnya masyarakat muslim. Tema-tema ini dizahirkan bertujuan sebagai pengantar untuk memahami matlamat al-Quran (Moh., 2015; Rahman, Terj, Ervan, & Ahmad, 2017).

Tema pertama yang dibahas oleh Fazlur berkaitan tuhan yang dikenalpasti melalui lafaz Allah dalam al-Quran serta kewujudan Tuhan. Fazlur memberikan ayat-ayat yang menjelaskan tentang tuhan, bukti kewujudan dan sifat Allah S.W.T. Selanjutnya tema kedua menyentuh mengenai manusia sebagai individu yang membincangkan ayat-ayat penciptaan Adam dan manusia, sifat perbuatan manusia dan kebaikan serta kejahanatan yang dilakukan oleh manusia. Seterusnya skop perbahasan dalam tema ketiga dikembangkan daripada tema yang kedua iaitu manusia sebagai anggota masyarakat. Dalam tema ini perbincangan tertumpu kepada ayat-ayat mengenai keadilan dalam masyarakat, aspek ekonomi dan sebab kejayaan umat Islam.

Tema seterusnya yang keempat membincangkan mengenai alam semesta. Sudah pasti tema ini diangkat oleh Fazlur kerana kaitannya dengan manusia. Ayat-ayat yang dikemukakan adalah berkaitan penciptaan alam semesta, fenomena alam dan kehebatan Allah S.W.T dalam menciptakan alam semesta. Tema yang kelima adalah kenabian dan wahyu merujuk kepada ayat-ayat berkaitan misi universal para Nabi dan peranan Rasulullah S.A.W sebagai penutup semua Nabi. Selanjutnya tema yang keenam ialah eskatologi iaitu perkara yang berkaitan dengan hari akhirat seperti kedahsyatan hari kiamat, balasan baik dan buruk yang berkait rapat dengan syurga dan neraka dan catatan amal manusia. Tema yang ketujuh ialah syaitan dan kejahanatan. Tema ini diangkat oleh Fazlur bersangkutan dengan kejahanatan yang berpunca daripada syaitan. Ayat-ayat yang menyentuh mengenai tipu daya syaitan

dibahaskan dalam tema ini seperti asal jin, cara tipu daya syaitan dan conoth-contoh tipu daya syaitan dalam al-Quran. Akhir sekali tema yang kelapan ialah kelahiran masyarakat Islam. Tema ini membentangkan keadaan masyarakat Makkah dan Madinah serta kedudukan Rasulullah S.A.W dalam menjalankan misi dakwah di kedua-dua tempat ini.

Jika diteliti lapan tema yang dinyatakan dalam buku *Major Themes Of The Quran* ini, mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa buku ini sesuai untuk dijadikan sebagai asas rujukan para penulis tafsir mawdu'i sebagai panduan menentukan tema-tema utama yang terkandung di dalam al-Quran.

Sementara itu Muhammad Rasyid Ridha menyatakan terdapat sepuluh tema al-Quran iaitu memperbaiki agama, masalah kenabian dan kerasulan, Islam sebagai agama fitrah dan berbagai penjelasan tentang akal, ilmu dan hikmah, kebebasan dan pembebasan, kehidupan bermasyarakat, ibadah, prinsip politik Islam, pengurusan harta, perang, hak-hak wanita dan pembebasan hamba (Khalilah, 2019).

Seperti yang dijelaskan, para pentafsir mawdu'i perlu menjelaskan secara terang tema-tema yang terkandung di dalam al-Quran, maka apabila mentafsirkan surah, topik atau lafaz secara mawdu'i mereka akan menentukan terlebih dahulu tema yang bersesuaian (Al-Khalidi, 2012; Muslim, 2000). Diantara tema-tema yang dijadikan sebagai kajian dalam tafsir mawdu'i ialah aqidah, kiamat, syirik, ekonomi, syaitan, akhlak, ilmu dan masyarakat (Sahlawati, Haziyah, & Wan Nasryuddin, 2019). Rajah 2 di bawah menunjukkan elemen-elemen yang terdapat dalam tafsir mawdu'i yang didominasi oleh tema masyarakat, kenabian dan aqidah.



Rajah 2. Elemen dalam tafsir mawdu'i

4. Hubungan Di Antara Maqasid al-Quran dan Tafsir Mawdu'i

4.1 Aspek Prinsip Pentafsiran

Fungsi maqasid al-Quran sangat berkait rapat dengan pentafsiran al-Quran secara umum dan tafsir mawdu'i secara khusus. Diantara kaitan bagi kedua-dua unsur ini ialah memahami kemukjizatan al-Quran dari aspek bahasa, pensyariatan dan kehidupan. Melalui maqasid al-Quran manusia mengabdikan dirinya kepada Allah yang berkait dengan dua kapasiti manusia iaitu ketuhanan dan kehambaan. (Moh., 2015). Seperti yang telah dijelaskan oleh para ulama Islam seperti Sa'id Nursi berkaitan maqasid al-Quran, isu aqidah merupakan asas kepada agama maka semua tafsiran al-Quran adalah bermatlamatkan atau bertemakan aqidah. Al-Quran ditadabbur bagi memperolehi hidayah sebagaimana maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i membantu mendorong hati kepada elemen yang diperlukan dalam kehidupan seperti ekonomi, politik, kemasyarakatan dan agama.

Lima unsur maqasid al-Quran yang menjurus kepada memperbaiki kehidupan individu iaitu spiritual, kebudayaan, sosial, ekonomi, dan politik (Moh., 2015). Demikianlah juga unsur-unsur yang sama turut dibincangkan dalam tema-tema tafsir mawdu'i. Bahkan tafsir mawdu'i mampu meluaskan lagi pemahaman mengenai al-Quran berdasarkan tema-

tema tertentu bagi menjawab permasalahan kontemporari. Ekoran daripada itu tafsiran al-Quran mestilah berpandukan maqasid al-Quran supaya tujuan utama al-Quran dipelihara dan tidak mengikut hawa nafsu semata.

Jelaslah bahawa seorang mufassir dikehendaki mengenalpasti terlebih dahulu tujuan asas dari sepotong ayat sebelum melakukan penafsiran sebagaimana dilakukan dalam penentuan tema dalam tafsir mawdu'i (Al-Daghamin, 1995). Seandainya tujuan asas tidak dikenalpasti nescaya akan berlaku penyelewengan dalam pentafsiran. Maqasid al-Quran juga merupakan dasar untuk menyatakan korelasi antara satu bahagian dengan bahagian lain dalam al-Quran yang disebut sebagai munasabah al-Quran. Ilmu munasabah mempunyai kaitan dengan tafsir mawdu'i atas dasar kesatuan tema dan kaitannya (Al-Khalidi, 2012).

Maqasid dari segi prinsip dan objektifnya, merupakan kaedah pemikiran yang membezakan dan melihat, menganalisis dan menilai. Segala bentuk tafsiran al-Quran mesti mengikut proses atau metodologi yang boleh diterima dan bukan yang dicela. Dalam beberapa tafsir kontemporari seperti *Al-Manar* oleh Rashid Rida, *al-Tahrir wa al-Tanwir* oleh Ibnu 'Ashur, *Fi Zilal al-Qur'an* oleh Sayyid Qutb, *Tafhim al-Qur'an* oleh Abul A'la Mawdudi pendekatan tafsir maqasidi menjadi lebih penting. Oleh itu, ia harus dilihat sebagai kaedah ahli tafsir (*manhaj al-mufassirin*) (Islam, 2011). Sementara itu bagi Ibn Ashur, keseluruhan konsep Maqasid al-Qur'an berkenaan dengan metodologi tafsir dan beliau menolak tafsiran yang bertentangan dengan tujuan al-Quran (Moh., 2015).

Sehubungan itu, Said Nursi berpandangan elemen-elemen utama al-Quran adalah sama dengan tema utama Al-Qur'an. iaitu ketauhidan ilahi, kenabian, kebangkitan manusia dan keadilan. Oleh kerana kesemua itu adalah unsur-unsur asas dan tujuan al-Quran, maka ianya wujud dalam setiap surah, dalam setiap ayat dan bahkan dalam setiap perkataan. Berbeza dengan pandangan al-Biq'a'i tujuan surah tidak sama dengan tujuan al-Qur'an dan ayat bahkan masing- masing surah memiliki tujuan yang pelbagai sesuai dengan konteks dan hubungannya (Islam, 2018; Moh., 2015)

Pada asasnya, setiap surah mempunyai satu tema perbahasan dan kebiasaannya terkandung sekitar ayat-ayat awal dan ayat-ayat akhir surah seperti yang dijelaskan oleh al-Biq'a'i. Hal ini berkait dengan maqasid al-Quran *al-'ammah* atau tujuan al-Quran secara umum. Mufassir meneliti teks al-Quran secara umum dan menyimpulkan unsur-unsur yang utama (Khalilah, 2019). Sama seperti tafsir mawdu'i, Al-Kummi & Muhammad (1982) menegaskan mufassir perlu membentuk surah menjadi kesatuan yang sempurna dan mempunyai satu matlamat walaupun di dalam surah itu terdapat topik-topik yang pelbagai. Maka topik-topik itu hendaklah tertumpu sekitar matlamat yang satu sama ada secara am atau khusus. Ini selari dengan langkah pertama dalam tafsir mawdu'i surah iaitu menjelaskan maqasid surah (Al-Khalidi, 2012).

Demikianlah juga pandangan Ibn Ashur terhadap maqasid al-Quran dan hubungannya dengan tafsir. Seorang mufassir hendaklah mengetahui maqasid al-Quran untuk membezakan diantara tafsiran yang berdasarkan tujuan al-Quran dan tafsiran yang menghuraikan makna dan teks (Islam, 2018). Ini bererti seorang mufassir perlu mengenalpasti maqasid al-Quran bagi mengelakkan tafsiran yang berjela-jela sehingga tidak mencapai tujuan daripada ayat atau surah(Khalilah, 2019). Ditinjau dari aspek ilmu al-Quran, Said Nursi menegaskan maqasid al-Quran dapat menjadi sumber bagi tema dan topik bagi tafsir mawdu'i berdasarkan kesinambungan tujuan di antara keduanya (Moh., 2015).

Sekadar contoh beberapa ulama tafsir yang mengaitkan maqasid al-Quran dan beberapa tema al-Quran dalam tafsiran mereka seperti al-Baghawi, Fakhruddin al-Razi dan al-Biq'a'i. Al-Baghawi membuat pembahagian tema dan isu utama al-Quran berdasarkan maqasid tertentu dan beliau memberikan pandangan di dalam al-Quran terdapat perintah, larangan, perintah, berita baik dan nasihat, kisah umat terdahulu dan contoh-contoh untuk difikirkan (tadabbur) (Islam, 2012). Sementara itu al-Razi mengemukakan empat tema

berdasarkan maqasid al-Quran bagi surah al-Fatihah iaitu *al-uluhiiyyah* (ketuhanan), *al-ma'ad* (hari akhirat), *al-nabawi* (kenabian) dan *al-qadr* (ketetapan). Al-Razi juga sebenarnya membahaskan aspek kesatuan tema dalam surah yang disebut sebagai *wihdah mawdu'iyyah li al-suwar* (Islam, 2012; Moh., 2015). Manakala al-Biqa'i melalui kitab tafsirnya Nazm al-Durar fi tanasub al-Ayat wa al-Suwar menegaskan bahawa ilmu munasabah (korelasi) diperolehi dengan mengetahui maqasid surah-surah al-Quran (Islam, 2011; Moh., 2015). Walapun demikian, maqasid para ulama klasik sebenarnya lebih tertumpu kepada surah demi surah serta kaitan di antara surah dengan surah.

Ditinjau daripada aspek metode tafsir, metode Sa'id Nursi lebih hampir dengan tafsir mawdu'i. Sa'id Nursi menetapkan empat langkah dalam metode tasfir beliau iaitu pertama menentukan tema dan tajuk, kedua mengumpulkan ayat yang mempunyai maksud yang sama, ketiga isu yang dibincangkan adalah isu yang dibincangkan dalam al-Quran, keempat menggunakan hadis sebagai sokongan. Walaubagaimanapun terdapat sedikit perbezaan ayat yang dikumpulkan tidak diklasifikasikan kerana telah dikelompokkan sesuai dengan maqasid al-Quran (Moh., 2015).

Kesimpulannya kitab-kitab terdahulu juga banyak yang menggunakan metode tafsir yang hampir kepada metode tafsir mawdu'i tetapi dalam bentuk yang umum dan bukan sebagai satu metode tafsir mawdu'i yang tersendiri (Didi, 2016). Jika diteliti, maqasid al-Quran adalah bersumberkan kitab tafsir para ilmuan Islam terdahulu. Pada masa kini terdapat beberapa kitab tafsir yang menjurus terus kepada maqasid al-Quran seperti *Maqasid al-Quran al-Karim* karya Hannan Lahham yang diterbitkan pada tahun 2004 dan *al-Madkhil ila Maqasid al-Quran* karya 'Abd al-Karim al-Hamidi yang diterbitkan pada tahun 2007.

4.2 Elemen Dalam Maqasid al-Quran dan Tafsir Mawdu'i

Terdapat beberapa persamaan di antara elemen dalam maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i seperti aqidah, hari akhirat, kisah-kisah dalam al-Quran, kemukjizatan dan hukum. Selain itu terdapat persamaan juga dari aspek urutan dan konteks ayat al-Quran dan memahami Al-Quran melalui al-Quran. (Islam & Khatun, 2015). Maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i tidak dapat dipisahkan daripada tema kemasyarakatan berdasarkan tujuan utama diturunkan al-Quran adalah sebagai kitab hidayah. Justeru itu maqasid al-Quran yang berkait dengan iman, ibadah dan masyarakat adalah sama dengan konteks al-Quran dalam tafsir mawdu'i iaitu membawa isu al-Quran kepada realiti (Al-Daghamin, 1995).

Rajah 3 di bawah adalah gabungan elemen dalam maqasid al-Quran dan elemen dalam tafsir mawdu'i. Jika diteliti maqasid al-Quran lebih menekankan aspek aqidah manakala tafsir mawdu'i lebih memberi tumpuan kepada aspek masyarakat. Akan tetapi aspek aqidah tetap menjadi tema perbahasan tafsir mawdu'i dan beberapa elemen lain seperti hari akhirat, kenabian dan akhlak.



4.3 Tafsir al-Maqasidi

Tafsir al-maqasidi secara metodologi bertujuan meroka objektif al-Quran serta menentukan bagaimana kandungan al-Quran memperluaskan maqasid (kesatuan) bersesuaian dengan objektif al-Quran (Islam, 2012). Metode ini boleh diaplikasikan dalam jenis tafsir yang lain seperti tematik, linguistik, retorik, masyarakat dan lain-lain yang menghuraikan pelbagai aspek objektif yang dipilih. Justeru itu tafsir al-maqasidi mempunyai kaitan dengan konsep kesatuan tema yang disebut sebagai *al-wihdah al-mawdu'iyyah*. (Islam & Khatun, 2015)

Lazimnya tafsir al-maqasidi lebih hampir dengan tafsir mawdu'i bagi surah maka secara umumnya mufassir akan menjelaskan tema dan tujuan surah dan selepas itu menumpukan tujuan ayat. Meskipun terdapat perkembangan dalam teori maqasid al-Quran namun pendekatannya masih belum kukuh dan tersendiri berbanding tafsir mawdu'i (Islam, 2012). Secara ringkasnya menurut Islam (2012), tafsir al-maqasidi mengandungi lima prinsip. Pertama mengenalpasti objektif (maqsad) dari teks al-Quran secara metodologi, menggariskan latar belakang konseptual berdasarkan maqasid yang telah ditentukan melalui al-Quran dan al-Sunnah, ketiga mengenalpasti cara atau kaedah untuk mencapai objektif tersebut, keempat menjelaskan hubungan di antara objektif (maqsad) dengan maqasid lain dalam al-Quran. Hal ini dapat dijelaskan melalui konsep kesatuan tema (*al-wihdah al-mawdu'iyyah*) maka mufassir perlu menjelaskan bagaimana maqsad al-Quran yang dipilih mempunyai kaitan dengan maqasid yang lain. Kelima maqsad yang dikemukakan mestilah melambangkan keadaan era generasi al-Quran iaitu Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Kehidupan mereka bersandarkan maqasid al-Quran dan sudah semestinya memberikan refleksi yang jelas bagi kehidupan masyarakat kontemporari. Berdasarkan kelima-lima prinsip ini, tafsir al-maqasidi memberikan penekanan terhadap mufassir untuk menentukan maqsad (objektif) surah sebelum melakukan pentafsiran agar tidak berlaku penyelewengan tujuan al-Quran.


Islam & Khatun (2015) telah mengemukakan kerangka konseptual bagi tafsir al-maqasidi dan bagi mereka trend yang sebanding dengan tafsir al-maqasidi ialah trend mawdu'i (tematik). Namun kedua-duanya masih mengekalkan prinsip yang tersendiri dan trend tematik boleh menjadi sumber utama untuk trend tafsir al-maqasidi. Sebagai contoh tafsir mawdu'i mengenai akhlak membincangkan pelbagai isu mengenai akhlak di mana tafsir al-maqasidi boleh mendapat faedah dari aspek konsep akhlak dalam al-Quran, ciri-ciri akhlak mulia dan individu-individu yang berakhlak mulia dalam al-Quran. Oleh itu prinsip-prinsip tafsir al-maqasidi akan mendapat faedah daripada dimensi maqasid dalam tafsir mawdu'i dari aspek berikut seperti yang dikemukakan oleh Islam & Khatun (2015):

- a. Tafsir al-maqasidi terbatas kepada menggariskan objektif al-Quran sebaliknya tafsir mawdu'i boleh memperluaskan skopnya kepada tema, istilah dan konsep al-Quran. Sebagai contoh topik ‘Anak-anak Yatim dalam Al-Quran’ boleh diperbahaskan merentasi keseluruhan surah dalam al-Quran yang mempunyai tema dan konsep yang sama.
- b. Tafsir al-maqasidi menggambarkan amalan masyarakat awal Islam mempraktikkan kesatuan maqasid surah yang terdiri daripada objektif dan cara ianya dilakukan. Tafsir mawdu'i pula menawarkan sesuatu yang lebih luas iaitu kesatuan tema dalam al-Quran. Oleh yang demikian tafsir al-maqasidi boleh memanfaatkan kesatuan tema dalam al-Quran bagi membincangkan kesatuan maqasid al-Quran.
- c. Tafsir mawdu'i boleh dibincangkan meliputi aspek lafaz al-Quran, topik atau keseluruhan surah tetapi tafsir al-maqasidi tidak dapat membincangkan satu surah yang mengandungi tujuan atau topik yang berlainan secara keseluruhannya pada satu

masa melainkan surah itu mengandungi satu objetif atau tema. Walaubagaimanapun mengikut metode tafsir mawdu'i surah, mufassir perlu menetapkan maqasid utama surah sebelum menentukan tema-tema yang terdapat dalam surah yang dipilih (Al-Khalidi, 2012)

Mufassir al-Quran pada zaman moden secara amnya menggunakan pendekatan maqasid (berobjektif) dengan menjelaskan tema-tema dan tujuan surah di awal pentafsiran dan memfokuskan kepada tujuan ayat tertentu. Pendekatan ini menjadi trend dalam tafsir kontemporari (Islam, 2012). Sekadar contoh kajian mengemukakan beberapa penulisan yang disebut sebagai tafsir al-maqasidi seperti Tafsir al-Manar oleh Rashid Rida, Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir oleh Ibn 'Ashur, Tafhim al-Quran oleh Abul 'Ala Mawdudi, Fi Zilal al-Quran oleh Sayyid Qutb dan Al-Tafsir al-Hadith oleh 'Izzat Darwazah (Fikriyati, 2018; Islam & Khatun, 2015). Secara dasarnya tafsir al-maqasidi memberikan perspektif yang jelas dan pemahaman yang tepat mengenai kaitan diantara objektif al-Quran dan tafsir yang boleh diperluaskan konsep dan prinsipnya melalui tafsir mawdu'i.

Hubungan antara maqasid al-Quran, tafsir mawdu'i dan tafsir al-maqasidi diilustrasikan seperti rajah 4 di bawah. Maqasid al-Quran menaungi tafsir mawdu'i dan tafsir al-maqasidi namun tafsir mawdu'i dan tafsir al-maqasidi mempunyai persamaan dalam beberapa prinsip dan entiti.



Rajah 4 Hubungan Di Antara Maqasid al-Quran, Tafsir Mawdu'i dan Tafsir al-Maqasidi

Kesimpulan

Pemahaman yang mendalam mengenai maqasid al-Quran berperanan mengelakkan pentafsiran yang terpengaruh dengan nafsu dan boleh mengundang perselisihan. Apabila membuat pentafsiran, seorang mufassir perlu terlebih dahulu memahami dengan jelas maqasid al-Quran agar tafsirannya menepati tujuan al-Quran. Pendekatan tafsir secara maqasid hanya dibahaskan melalui kitab-kitab tafsir klasik yang menjelaskan tujuan utama pentafsiran adalah untuk mencapai objektif al-Quran. Oleh itu secara tidak langsung maqasid al-Quran berkait dengan tema-tema yang terkandung di dalam al-Quran. Sehubungan itu jika tema-tema al-Quran dibentangkan dalam bentuk korelasi yang berhubung dengan satu objektif al-Quran maka pendekatan kesatuan berdasarkan objektif boleh dihasilkan.

Kesimpulannya artikel ini membincangkan hubungan di antara maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i. Oleh yang demikian kajian membincangkan tiga bahagian iaitu pertama, membentangkan definisi dan elemen maqasid al-Quran. Kedua, membentangkan definisi dan elemen tafsir mawdu'i. Ketiga, menghuraikan tiga bentuk hubungan di antara maqasid al-Quran dan tafsir mawdu'i. Akhir sekali, kajian ini menghuraikan tiga bentuk hubungan itu dan implikasinya terhadap konsep pentafsiran al-Quran.

Rujukan

- Abd al-Sattar, S. F. (1991). *Al-Madkhal ila al-tafsir al-maudu'i*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Daghamin, Z. K. M. (1995). *Manhajiyatul bahthi fi tafsir maudu'i li al-Quran al-Karim*. Jordan: Dar al-Basyir.
- Al-Khalidi, S. A. al-F. (2012). *Al-Tafsir al-Maudu'i Bayna al-Nazariyyah wa al-Tatbiq*. Jordan: Dar al-Nafais.
- Al-Kummi, A. al-S. A.-Q., & Muhammad, A. Y. (1982). *Al-Tafsir al-Maudi'i li al-Quran al-Karim*. Kaherah: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Al-Zahabi, M. H. (n.d.). *Al-Tafsir wa al-Mufassirun*. Beirut: Dar al-Tauzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Didi, J. (2016). Mengenal lebih dekat metode tafsir maudlu'i. *Diya Al-Afkar*, 4(01), 19–35.
- Faris, I. (2008). *Maqayis al-lughah*. Cairo: Dar al-Hadith.
- Fikriyati, U. (2018). Maqasid al-Quran: genealogi dan peta perkembangannya dalam khazanah keislaman. *'Anil Islam*, 11(2), 1–21.
- Hamidi, A. al-K. (2008). *Al-Madkhal ila maqasid al-Quran*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Manzur, M. bin M. (n.d.). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadar.
- Islam, T. (2011). Maqasid al-Quran: a search for a scholarly definition. *Al-Bayan*, 9, 189–207. <https://doi.org/10.13140/RG.2.2.16945.89446>
- Islam, T. (2012). The Concept of “maqasid al-Quran”: its genesis and developments. *The 2nd Annual International Qur’anic Conference 2012*, 9–24.
- Islam, T. (2013). Maqasid al-Quran and maqasid al-shariah. *Revelation and Science*, 3(1), 1–10.
- Islam, T. (2018). Ibn Ashur's Views on Maqasid al-Quran: An Analysis. *Journal of Ma'alim Al-Quran Wa Al-Sunnah*, 14(2), 132–146.
- Islam, T., & Khatun, A. (2015). Objective-based exegesis of the Quran: a conceptual framework. *QURANICA, International Journal of Quranic Research*, 7(June), 37–54.
- Khalilah, N. 'Azmy. (2019). Maqashid al-Qur'an: perspektif ulama klasik dan modern. *Muâşarah: Jurnal Kajian Islam Kontemporer*, 1(1), 8–18. <https://doi.org/10.18592/khazanah.v1i1.3002>
- Moh., B. (2015). Konsep maqasid al-Qur'an perspektif Badi' al-Zaman Sa'id Nursi. *El-Furqonia*, 1(1), 47–82.
- Muslim, M. (2000). *Mabahith fi Al-Tafsir al-Mawdu'i*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Quadir, W. G. (2018). Maqṣ adiyyah (Purposefulness) and Maqāṣ id al- Qur'ān (Objectives of the Qur'ān): A Study. *Aligarh Journal Of Quranic Studies*, 1(1), 87–98.

- Rahman, F., Terj, Ervan, N., & Ahmad, B. (2017). *Tema-tema pokok al-Quran*. Indonesia: Pustaka Mizan.
- Ruhi, B. (2001). *Al-Mawrid*. Beirut: Dar al-‘Ilm li al-Malayin.
- Sahlawati, A. B., Haziyah, H., & Wan Nasryuddin, W. A. (2019). Analisis perkembangan penulisan tafsir maudu’i di Malaysia (An analysis of development of thematic exegesis in Malaysia). *Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues*, 4(2), 142–153.
- Shihab, M. Q. (1996). *Wawasan Al-Quran: Tafsir Tematik atas Pelbagai Persoalan Umat*. Bandung: Pustaka Mizan.